



**SOP PEMBUKAAN JEJANTAS RIMBA (*FOREST SKYWALK*)
DI INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM)
BERKUATKUASA 21 SEPTEMBER 2021**

TEMPOH PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN)

FASA 3

**Cawangan Ekopelancongan,
Program Ekopelancongan dan Hutan Bandar**

Hari dan Waktu Operasi	Sabtu-Khamis Jumaat Cuti Kecuali pada Hari Perayaan Utama	Waktu Kehadiran Pelawat	8.30 pagi – 12.30 tengahari Petugas perlu bersedia (7.30 pagi - 2.00 petang)
Kapasiti Staff/ Pekerja	Hari biasa- 6 orang (1 orang kaunter tiket, 1 orang ruang depan kaunter, 1 orang pintu masuk Jejantas Rimba, 3 orang di Jejantas Rimba.		
Daya tampungan sehari	Tidak melebihi 160 orang pelawat sehari Makluman: Tempahan aktiviti melebihi 10 orang perlu dibuat melalui Pusat Informasi Pelawat (VIC) FRIM di talian 03-62797592/7649.		

AKTIVITI DAN PROTOKOL DI JEJANTAS RIMBA, FRIM KEPONG.	
Tindakan	Penerangan Ringkas
1. Kawalan keselamatan dan infeksi	<ul style="list-style-type: none"> i. Maklumat peribadi setiap staf dan pelawat perlu diambil dan direkod selepas saringan suhu badan di pintu masuk utama sebelum dibenarkan memasuki mana-mana kawasan Jejantas Rimba, FRIM Kepong. ii. Individu dengan suhu badan yang melebihi 37.5 °C atau mempunyai simptom sakit tekak, batuk, selesema atau susah bernafas tidak dibenarkan masuk dan perlu meninggalkan kawasan Jejantas Rimba serta perlu mendapatkan rawatan segera. iii. Semua staf dan pelawat adalah diwajibkan untuk memakai pelitup hidung dan mulut (<i>face mask</i>) dan mengamalkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 2 meter sepanjang berada di kawasan Jejantas Rimba. iv. Semua pelawat dan staf dikehendaki sentiasa mengamalkan kebersihan diri dengan kerap mencuci tangan menggunakan sabun dan air atau <i>hand sanitizer</i>, mengamalkan etika bersin dan batuk secara berhemah.

	<p>v. Sampah seperti tisu, pelitup hidung dan mulut (<i>face mask</i>) haruslah dikumpulkan dan dibawa keluar dari kawasan FRIM.</p> <p>vi. Pengoperasian Jejantas Rimba adalah bergantung kepada keadaan cuaca dan pihak pengurusan akan memaklumkan sekiranya penutupan perlu dibuat.</p> <p>vii. Pengoperasian semula akan dibuat dua (2) jam selepas cuaca kembali pulih.</p>
<p>2. Kawalan Pengendalian Pelawat Jejantas Rimba, FRIM Kepong.</p>	<p>i. Penjualan tiket adalah secara atas talian.</p> <p>ii. SEMUA JUALAN TIKET ATAS TALIAN ADALAH MUKTAMAD. Tidak ada pemulangan bayaran.</p> <p>iii. Tiket boleh ditukar ke tarikh yang berbeza hanya apabila Jejantas Rimba ditutup kerana cuaca. Perubahan boleh dilakukan sehingga 60 hari dari tarikh tempahan asal.</p> <p>iv. Slot masa dan kuota adalah seperti yang tertakluk di Lampiran 1.</p> <p>v. Tempahan lawatan berpandu atau <i>Nature Guide</i> FRIM boleh melalui sistem ini. Selain itu, pra tempahan boleh juga dibuat menerusi pihak VIC.</p> <p>vi. Pihak VIC perlu menyerahkan senarai pelawat yang telah membuat tempahan kepada Pejabat Pengurusan Jejantas Rimba sekurang-kurangnya sehari sebelum tarikh lawatan pelawat tersebut.</p> <p>vii. Bilangan pelawat berpandu yang akan diterima oleh Pejabat Pengurusan Jejantas Rimba adalah sepuluh (10) orang bagi setiap kumpulan.</p> <p>viii. Bagi tiket yang ditempah secara berkumpulan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Seorang wakil perlu memasukkan semua nama dan nombor kad pengenalan/passport bagi setiap tiket yang ditempah. • Seorang wakil bertanggungjawab di atas kumpulan yang dibawa dengan menandatangani borang insurans (pengesahan ini perlu dari segi undang-undang). • Wakil perlu membawa bukti pembelian ke kaunter. <p>ix. Salinan tiket sebagai bukti pembayaran perlu diserahkan kepada petugas sebelum pelawat dibenarkan masuk.</p>

	<ul style="list-style-type: none"> x. Pergerakan pelawat adalah dalam kumpulan kecil mengikut kawasan seperti yang diperincikan di bawah: <ul style="list-style-type: none"> a) Tidak melebihi lima (5) orang pelawat berada di ruang legar Pejabat Pengurusan Jejantas Rimba. b) Tidak melebihi lima (5) orang pelawat berada di ruang menunggu menara masuk Jejantas Rimba. c) Tidak melebihi sepuluh (10) orang pelawat berada di atas pelantar Jejantas Rimba dalam satu pusingan aktiviti. xi. Maksima pelawat yang dibenarkan berada dalam satu masa di kawasan Jejantas Rimba adalah seramai dua puluh (20) orang sahaja untuk tempoh 30 minit. xii. Pelawat perlu sentiasa mematuhi garis panduan keselamatan, peraturan penggunaan dan kebersihan semasa berada di Jejantas Rimba, FRIM. xiii. Pelawat mesti mematuhi arahan yang diberikan oleh petugas dari semasa ke semasa. xiv. Pelaksanaan aktiviti perlu mengambil kira kesesuaian pergerakan, ruang dan pengendalian aktiviti, serta mematuhi prinsip penjarakan fizikal. Minima ruang yang dicadangkan adalah 2 m² setiap individu.
<p>3. Kawalan Pembersihan dan Nyahkuman</p>	<ul style="list-style-type: none"> i. Proses pembersihan dan nyahkuman di kawasan umum (ruang legar, kaunter tiket, tandas, <i>hand railing</i> dan lain-lain) perlu dilakukan sebelum kawasan Jejantas Rimba, FRIM dibuka kepada umum selepas aktiviti dijalankan. ii. <i>Hand sanitizer</i> perlu disediakan di kawasan pendaftaran di Pejabat Pengurusan dan menara keluar di Jejantas Rimba. iii. Proses pembersihan kawasan Jejantas Rimba perlu dilakukan setiap hari selepas pengoperasian. iv. Petugas Jejantas Rimba perlu melakukan pembasmian kuman (<i>sanitizer</i>) setiap hari selepas pengoperasian. v. Pelawat digalakkan membawa <i>hand sanitizer</i> dan peralatan pembersihan diri masing-masing. vi. Pelawat dikehendaki mengamalkan penjagaan kebersihan lokasi dan persekitaran kawasan semasa pelaksanaan aktiviti rekreasi. vii. Semua sampah sarap dan sisa buangan perlu dibawa keluar oleh pelawat sendiri (<i>take in, take out</i>).


	seminggu sekali.
4. Pematuhan Penjarakan Sosial (<i>Social Distancing</i>)	<ul style="list-style-type: none"> i. Mengadakan penanda khas di laluan pejalan kaki menuju ke Jejantas Rimba, di ruang legar pejabat dan tempat yang difikirkan perlu untuk mematuhi penjarakan fizikal. ii. Staf dan pelawat dikehendaki mengamalkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 2 m semasa berada dan menggunakan fasiliti di Jejantas Rimba (tandas, ruang legar dan ruang menunggu menaiki Jejantas Rimba).
5. Aktiviti Kesedaran Terhadap Pembendungan COVID-19	<ul style="list-style-type: none"> i. Staf perlu memberikan penerangan berhubung wabak Covid-19 dan kaedah pembendungan kepada pelawat Jejantas Rimba, FRIM Kepong.
6. Aplikasi MySejahtera	<ul style="list-style-type: none"> i. Staf dan pelawat wajib memuat turun dan mendaftar aplikasi MySejahtera ke dalam telefon bimbit masing-masing untuk pengesanan kontak rapat. ii. Hanya pelawat yang menerima suntikan vaksin yang lengkap 2 dos dan telah melepasi hari ke-14 (dua minggu) sahaja dibenarkan menjalankan aktiviti ini. iii. Staf perlu menyediakan buku rekod untuk tujuan merekod nama, tarikh, nombor telefon, suhu badan dan waktu melawat sekiranya aplikasi MySejahtera tidak dapat digunakan.

Slot Masa dan Kuota
sepanjang tempoh PPN Fasa 3

Slot Masa	Kuota Tiket Masuk	Kuota Menara 50m
08.30 pagi	20	4
09.00 pagi	20	4
09.30 pagi	20	4
10.00 pagi	20	4
10.30 pagi	20	4
11.00 pagi	20	4
11.30 pagi	20	5
12.30 tengah hari	20	5
Jumlah	160	32

KATEGORI	TEMPATAN (RM)	LUAR NEGARA (RM)
PELAJAR (7-17 TAHUN)	8.00	25.00
KAKITANGAN FRIM	8.00	-
WARGA EMAS (60 TAHUN KE ATAS)	10.00	40.00
DEWASA	15.00	40.00
CAJ TAMBAHAN UNTUK 50 METER (PELAJAR 13 TAHUN KE BAWAH TIDAK DIBENARKAN)	5.00	10.00

Bayaran tiket masuk Jejantas Rimba mengikut kategori



Ilustrasi kapasiti kawasan Jejantas Rimba yang mematuhi prosedur operasi standard sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan